

# *Ucaptama*

## *Cabarān Dalam Memperkuuh PdP bagi Meningkatkan Kemahiran Pelajar Berbahasa Melayu*

**Prof Madya Dr. Salinah Ja'afar**

Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

b1salina@um.edu.my

### *Abstrak*

Ledakan Revolusi Industri 4.0 sedikit sebanyak turut memberi kesan kepada kedudukan dan kedaulatan bahasa Melayu. Kedudukan bahasa Melayu dalam masyarakat Malaysia secara umumnya dilihat semakin lama semakin kurang mendapat perhatian, lebih-lebih lagi apabila subjek Bahasa Melayu tidak lagi dijadikan subjek wajib bagi pelajar-pelajar tingkatan menengah atas dan pelajar institusi pengajian tinggi. Kementerian Pelajaran Malaysia, begitu juga Kementerian Pendidikan Singapura, misalnya, telah merancang dan melaksanakan beberapa kaedah dan pendekatan yang sesuai dalam memastikan Bahasa Melayu dapat diajar dan digunakan dengan menyeluruh di sekolah-sekolah. Antara isu yang menjadi cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ialah aspek kemahiran berbahasa. Bertitik tolak daripada cabaran tadi, kertas ucaptama ini membicarakan tentang hal-hal yang berkaitan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran berbahasa dalam pendidikan dalam kalangan pelajar.

Kata Kunci: cabaran, pengajaran dan pembelajaran, kemahiran berbahasa, pendidikan

## PENGENALAN

Bahasa Melayu pada hari ini telah melalui satu sejarah perkembangan yang sangat panjang. Pelbagai cabaran yang berlaku telah dilalui dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang tinggi martabatnya di dunia dan di Nusantara ini. Walaupun cabaran demi cabaran dihadapi, bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda tetap berdiri kukuh sebagai bahasa yang dipandang tinggi oleh masyarakat dalam dan luar negara dan masih gah digunakan di segenap Nusantara. Ledakan Revolusi Industri 4.0 sedikit sebanyak turut memberi kesan pada kedudukan dan kedaulatan bahasa Melayu. Dalam proses menegakkan kedaulatan bahasa Melayu ini pelbagai isu dan krisis telah dilalui. Kedudukan bahasa Melayu dalam masyarakat Malaysia secara umumnya dilihat semakin lama semakin kurang mendapat perhatian, lebih-lebih lagi apabila subjek bahasa Melayu tidak lagi dijadikan subjek wajib bagi pelajar-pelajar tingkatan menengah atas dan pelajar institusi pengajian tinggi. Namun begitu, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi Malaysia dan beberapa negara lain di Nusantara seperti Singapura, Brunei dan Indonesia menyebabkan pelbagai usaha telah dirancang dan dilaksanakan oleh pihak kementerian dan juga pihak sekolah bagi memastikan bahasa Melayu tetap terus digunakan oleh generasi hari ini dan akan datang.

Kementerian Pelajaran Malaysia, begitu juga Kementerian Pendidikan Singapura, misalnya, telah merancang dan melaksanakan beberapa kaedah dan pendekatan yang sesuai dalam memastikan bahasa Melayu dapat diajar dan digunakan dengan menyeluruh di sekolah-sekolah. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu juga turut ditambah baik dan diberi nafas baharu dari masa ke semasa sesuai dengan perkembangan teknologi digital dan kelas-kelas secara maya. Antara isu yang menjadi cabaran dalam PdP bahasa Melayu ialah aspek kemahiran berbahasa. Secara umum, seseorang individu yang belajar bahasa Melayu dari peringkat sekolah rendah sehingga meningkat ke usia dewasa, pastinya setelah tamat belajar individu tersebut mahir menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Namun begitu, senario yang jelas berlaku sekarang, walaupun mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan bahasa Melayu peringkat sekolah, ada individu yang masih tidak dapat menguasai aspek kemahiran berbahasa secara menyeluruh.



Bahasa, budaya dan nilai Melayu amat berkait rapat dengan sistem pendidikan, terutama dalam menerapkan nilai-nilai kesopanan dan kehalusan budi bahasa ke arah membina sebuah negara yang harmoni yang dapat membawa kepada perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum. Bagi negara Malaysia, Singapura, Brunei dan Indonesia, bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi. Di Malaysia, Brunei dan Indonesia, bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa pentadbiran, bahasa ekonomi, politik dan bahasa komunikasi utama bagi masyarakatnya. Adenan Ayob (2012) mengatakan bahawa pengiktirafan yang diberikan kepada nilai bahasa Melayu pasti mengungkap keistimewaan tersendiri yang menyebabkan wujud keupayaan dalam menjunjung kredibiliti bahasa Melayu sebagai bahasa teras bagi pembentukan perpaduan kaum di Malaysia. Dari segi konsep, nilai bahasa Melayu yang membina dan mengukuhkan teras perpaduan bangsa di Malaysia dapat dikaitkan sebagai bahasa utama yang berfungsi sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perantaraan serta berupaya menjadi nadi penyatu pelbagai kaum di negara ini. Begitu juga dengan kedudukan bahasa Melayu di Singapura yang merupakan satu daripada wadah dan lambang penting dalam menyatupadukan rakyatnya yang berbilang bangsa.

Kedudukan bahasa Melayu dalam pendidikan juga memainkan peranan yang amat besar dalam melestarikan dan merealisasikan peranan bahasa Melayu sebagai wadah pengembangan ilmu. Aspek PdP bahasa Melayu perlu ditingkatkan dari masa ke semasa bagi memastikan semua kaedah dan strategi PdP bahasa Melayu dapat mencapai objektifnya dalam meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar dan juga pengguna bahasa Melayu. Guru-guru bahasa Melayu di sekolah bukan sahaja perlu menguasai bahasa Melayu dengan baik, tetapi juga perlu dilengkapkan dengan kemahiran dan ilmu PdP bahasa yang boleh membantu guru-guru dalam memastikan para pelajar dapat mencapai kemahiran berbahasa yang disasarkan. Selaras pula dengan perkembangan sains dan teknologi yang menyebabkan keperluan PdP mula mendapat tempat dan sedikit demi sedikit mempengaruhi strategi PdP turut memperlihatkan kesan terhadap perkembangan bahasa Melayu. Kemunculan pandemik COVID-19 secara langsung telah mengejutkan dunia pendidikan, apabila strategi PdP secara menyeluruh perlu mengaplikasi pendekatan dan kaedah PdP secara dalam talian akibat daripada perintah

kawalan pergerakan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam usaha membendung penularan wabak tersebut.

Lanjutan dari itu, maka terpancarlah satu cabaran dalam memperkuuh strategi PdP bahasa Melayu demi meningkatkan aspek kemahiran berbahasa dalam pendidikan. Bertitik tolak daripada cabaran tadi, maka kertas ucaptama ini membicarakan tentang hal-hal yang berkaitan dengan strategi PdP bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajarnya.

## **BAHASA MELAYU DALAM PENDIDIKAN**

Peranan bahasa Melayu dalam pendidikan telah banyak dikaji dan dibincarakan oleh para pendidik dan pengkaji bahasa. Mior Khairul Azrin bin Mior Jamaluddin (2011), mengatakan bahawa dalam Rancangan Malaysia Kedua (RMK2), iaitu bagi tahun 1971-1975, rancangan pendidikan negara ditumpukan kepada tiga bidang, iaitu:

1. menyatukan sistem pelajaran bagi menggalakkan perpaduan negara;
2. memperluas rancangan pelajaran bagi mencapai keperluan negara mengenai tenaga rakyat; dan
3. memperbaik mutu pelajaran ke arah mencapai masyarakat yang maju berasaskan sains dan teknologi moden.

Bagi mencapai rancangan itu, strategi untuk melaksanakannya disediakan, iaitu:

1. melaksanakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah secara berperingkat;
2. mengurangkan jurang perbezaan dalam memberikan peluang pelajaran di antara kawasan dan antara kaum melalui pembinaan sekolah dan kemudahan sekolah di luar bandar; dan
3. meningkatkan mutu pelajaran.



Secara umum, ketiga-tiga strategi yang disediakan telahpun dilaksanakan dan dipantau secara berterusan. Boleh dikatakan RMK2 lebih tertumpu pada bidang ekonomi, namun pendidikan juga turut dijadikan satu daripada fokus utama. Walaupun pendidikan di Malaysia hampir dipinggirkan sewaktu RMK2 yang memihak kepada rancangan penstrukturansosioekonomi, beberapa usaha penting dijalankan sepanjang tempoh ini. Pada tahun 1970, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, dijadikan bahasa perantaraan dalam proses PdP dari peringkat rendah hingga ke pengajian tinggi, menggantikan bahasa Inggeris. Peperiksaan kebangsaan yang sebelum ini berpandukan peperiksaan di Britain digantikan dengan peperiksaan tempatan dan banyak buku teks dalam bahasa Melayu diterbitkan. Menjelang tamatnya tempoh rancangan ini, hampir kesemua sekolah aliran bahasa Inggeris telah diubah suai untuk mengajar kurikulum berasaskan bahasa Melayu (Henderson et.al, 1977).

Mior Khairul Azrin bin Mior Jamaluddin juga mengatakan bahawa pada tahun 1983, kerajaan Malaysia telah mewujudkan rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) untuk dilaksanakan di semua sekolah rendah seluruh negara; dan tahun 1989 kerajaan melaksanakan rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di semua sekolah menengah seluruh Malaysia. Kedua-dua KBSR dan KBSM mempunyai objektif yang sama, iaitu sebagai alat perpaduan kaum dan negara. Selepas Dasar Ekonomi Baru tamat pada tahun 1990, kesinambungan daripadanya terbentuk Dasar Pembangunan Negara (DPN), 1991-2000, yang mana ketika ini berlangsungnya Rancangan Malaysia ke-6 dan ke-7. Dalam rancangan Malaysia ke-7, terutama dalam sektor pendidikan, kerajaan merangka untuk menjadikan sistem pendidikan Malaysia bertaraf dunia. Berdasarkan strategi pendidikan, jelas bahawa bahasa Melayu menjadi wadah utama dalam memastikan perpaduan nasional dicapai. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi menjadi asas kontrak sosial rakyat Malaysia, di sisi kedudukan raja-raja Melayu, agama Islam sebagai agama Persekutuan dan hak-hak istimewa bangsa Melayu dan Bumiputera termaktub dalam Perlumbagaan Malaysia jelas menunjukkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa utama di Malaysia.

Awang Sariyan (2006, 2007, 2009) menyuarakan perihal pentingnya memantapkan perancangan bahasa Melayu dan pelaksanaannya dalam sistem pendidikan bagi memastikan perpaduan masyarakat berbilang kaum dapat dicapai, dan bagi memastikan masyarakat Malaysia mempunyai identiti jati diri sebagai sebuah masyarakat yang bersatu padu dalam membina satu tamadun bangsa Malaysia yang tinggi. Kenyataan Awang Sariyan tersebut diperkuat lagi apabila adanya usaha daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan telah melancarkan Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025, dengan tumpuan pada Inisiatif 108 yang bermatlamatkan ke arah pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025. Visi pelan hala tuju ini ialah “Pendidikan Bahasa Melayu Berkualiti, Warga Citra Unggul, Negara Sejahtera”. *Pendidikan bahasa Melayu berkualiti* merujuk pada standard bahasa Melayu yang tinggi dari segi kurikulum, kokurikulum, pentaksiran, kompetensi guru, jalinan dengan pihak luar, bidang penyelidikan dan penghasilan khazanah ilmu serta diterima pada peringkat global. *Warga Citra Unggul* merujuk pada rakyat yang mempunyai imej dan jati diri Melayu yang unggul. *Negara sejahtera* merujuk pada fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa perpaduan dan bahasa komunikasi yang membentuk negara bangsa.

Misi pelan ini pula adalah “Memartabatkan Bahasa Melayu Sebagai Wadah Kelestarian Pendidikan Berkualiti Demi Mencapai Aspirasi Negara”. *Memartabatkan bahasa Melayu* merujuk pada usaha untuk memantapkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu, bahasa pengantar dan bahasa perpaduan serta meningkatkan penguasaan berbahasa dan peluasan penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang pada peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. *Wadah kelestarian* merujuk pada pengembangan usaha secara berterusan bagi meningkatkan kualiti pendidikan bahasa Melayu. *Aspirasi negara* pula merujuk pada matlamat melahirkan modal insan yang berketerampilan dan berupaya menghadapi saingan serta kemajuan masa hadapan.

Mendukung Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan bagi menjayakan aspirasi Transformasi Nasional 2050, Kementerian Pendidikan Malaysia memainkan peranan penting bagi pemartabatan bahasa Melayu sebagai



bahasa kebangsaan. Satu usaha besar ke arah memartabatkan pendidikan bahasa Melayu dilaksanakan melalui Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016 - 2025. Pelan ini merupakan dokumen yang menterjemahkan hala tuju pendidikan bahasa Melayu pada masa hadapan. Pelan ini juga digarap berdasarkan kepentingan semua pihak yang terlibat dalam pendidikan bahasa Melayu. Satu garis panduan yang lebih jelas dan terperinci telah disediakan agar semua pihak berkepentingan dapat menyumbang secara bersepadu untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai tonggak tamadun negara dan mengekalkan keharmonian serta kesejahteraan negara.

Antara inisiatif hala tuju pendidikan bahasa Melayu adalah untuk menyediakan:

1. Kerangka Standard Bahasa Melayu;
2. Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu;
3. Kerangka Holistik Pembangunan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu;
4. Penubuhan Lembaga Pengiktirafan Pendidikan Bahasa Melayu;
5. Pemerksaan Kemahiran Lisan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Semua Jenis Sekolah;
6. Pemerksaan Ujian Lisan Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan Menengah;
7. Format Baharu Pentaksiran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu Komunikatif Sijil Pelajaran Malaysia;
8. Penjenamaan Kesusasteraan Melayu kepada Kesusasteraan Melayu Komunikatif di Sekolah Menengah;
9. Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Syarat Mengikuti Program di Universiti;
10. Pemilihan Bakal Guru Bahasa Melayu yang Memberi Keutamaan kepada Calon yang Memiliki Kepujian Kesusasteraan Melayu Komunikatif; dan
11. Pembudayaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ekonomi dan Perdagangan.

Berdasarkan pelan hala tuju dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di atas jelas bahawa bahasa Melayu sememangnya merupakan bahasa yang dianggap penting dalam pembangunan negara. Beberapa inisiatif yang disenaraikan telahpun menjalani proses pelaksanaan dan penyediaan dasar, antaranya seperti kerangka standard bahasa Melayu telah dihasilkan dan dalam proses penyediaan dokumen dan pemurnian setiap komponen yang telah dihasilkan juga merupakan hasil penyelidikan dan kajian yang menyeluruh yang dilaksanakan di seluruh Malaysia. Bahasa Melayu sentiasa mempunyai tempat dalam jiwa dan pendidikan masyarakat berbahasa Melayu di Malaysia, meskipun terdapat cabaran dan tantangan daripada segelintir rakyat yang tidak mampu memahami kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang menjadi identiti dan lambang kebanggaan negara bangsa itu sendiri.

Pelan hala tuju yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia misalnya membawa kepada perancangan dalam sistem pendidikan di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi. Peranan yang dimainkan oleh guru dan para pendidik peringkat sekolah, pengajar dan pensyarah di peringkat pengajian tinggi amat penting bagi memastikan pelan hala tuju tersebut mencapai sasaran yang telah dirancang. Hampir kesemua yang disenaraikan dalam garis panduan di atas menjurus kepada satu komponen utama iaitu kemahiran berbahasa. Begitu juga dengan negara Singapura yang berhadapan dengan cabaran dalam meneruskan kelangsungan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi hari ini dan akan datang. Jika diteliti misi dan visi Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS) jelas bahawa misi dan visi MLCS menjurus kepada pemantapan dan pelestarian bahasa Melayu itu sendiri dalam pendidikan melalui latihan yang diberikan kepada para guru dalam pembangunan profesional mereka. Aspek kecemerlangan yang ingin digarap oleh pihak pemerintah Singapura kepada golongan guru ini secara tidak langsung membayangkan bahawa setiap komponen PdP bahasa Melayu haruslah dapat menarik minat dan memupuk sikap cintakan bahasa Melayu dalam kalangan murid dan para pendidik sendiri.



Rajah 1: Matlamat Kurikulum Bahasa Melayu Singapura



Sumber: Kurikulum Kementerian Pendidikan Singapura (MOE) <https://www.mtls.edu.sg/gallery/pameran-%20bahasa-%20melayu-malay-language-exhibitions-b/moe-curriculum/>

Jika kita rujuk matlamat kurikulum bahasa Melayu yang ada di Singapura (Rajah 1), jelas bahawa PdP bahasa Melayu itu fokusnya adalah kepada aspek komunikasi, dan untuk memastikan komunikasi secara efektif dalam kehidupan seharian dan alam pekerjaan dapat dicapai, pastinya pengguna bahasa perlu memiliki tahap kemahiran berbahasa yang tinggi. Begitu juga untuk berhubung dengan masyarakat Nusantara dan dunia yang bertutur dalam bahasa Melayu atau budaya yang sama, maka kemahiran berbahasa menjadi wadah utama. Apatah lagi untuk memahami dan membina jati diri melalui penghayatan yang mendalam tentang budaya, tradisi, sastera dan sejarah, maka kemahiran berbahasa juga yang menjadi kayu ukur kepada tahap penghayatan yang diharapkan. Oleh sebab itu, aspek kemahiran berbahasa ini sebenarnya menjadi tunjang kepada pembentukan masyarakat pengguna bahasa Melayu yang mapan yang secara tidak langsung akan dapat meningkatkan taraf penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan penutur asli, penutur kedua dan seterusnya. Bagi mencapai tahap kemahiran yang diinginkan ini, peranan guru dalam PdP adalah paling utama.

## **TANGGUNGJAWAB GURU BAHASA MELAYU**

Bahasa Melayu mempunyai fungsi dan peranan yang amat penting dalam sistem pendidikan di negara-negara yang majoriti penduduknya berbahasa Melayu. Bagi negara Malaysia, Singapura, Brunei dan Indonesia bahasa Melayu merupakan bahasa yang menjadi bahasa utama dalam komunikasi dan urusan rasmi, dan pastinya menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan. Lanjutan daripada itu, guru-guru, pengajar dan pensyarah yang mengajar bahasa Melayu mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam memastikan semua murid dan pelajar dapat memahami dan menguasai bahasa Melayu dengan baik. Nik Safiah Karim (1980) mengatakan bahawa satu masalah utama dalam pengajaran bahasa Melayu ialah kelemahan guru menguasai teknik dan strategi pengajaran, dan yang paling membimbangkan ialah guru bahasa Melayu sendiri lemah dari aspek penguasaan bahasa Melayu. Lanjutan daripada itu, pelajar-pelajar bahasa Melayu yang dilahirkan akan kurang berketerampilan, dan secara tidak langsung menyebabkan keupayaan bahasa Melayu itu menjadi semakin berkurangan. Maka dari situlah jelas bahawa tanggungjawab guru bahasa Melayu bukan sekadar mendidik anak-anak atau para pelajar berbahasa, tetapi merangkumi pelbagai aspek seperti kebolehan guru-guru bahasa menguasai bahasa Melayu dengan kemahiran yang tinggi dan cekap bagi membolehkan mereka menyampaikan ilmu, sekali gus menjadi sumber rujukan dan juga menjadi inspirasi terhadap kelangsungan penggunaan bahasa Melayu itu sendiri.

Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Juliawati Ibrahim (2009) mengatakan bahawa pengajaran berkait rapat dengan tanggungjawab guru sebagai penyampai ilmu. Keberkesanannya pengajaran banyak bergantung pada sejauh mana guru berjaya mencapai objektif pengajarannya dalam membantu murid-murid belajar apa yang diajarkan. Justeru, guru merupakan penggerak dan pendorong utama kepada semua proses PdP yang berlaku di dalam bilik darjah. Tanggungjawab yang digalas oleh seorang guru bukan sekadar PdP sahaja, bahkan lebih daripada itu. Selain membantu murid mengikut PdP dengan lebih mudah, guru juga perlu prihatin terhadap perkembangan dan keperluan semasa murid. Seorang guru perlu mengambil berat perihal keperluan anak didiknya seperti mengetahui keupayaan fizikal



dan mental murid, mengambil berat akan kesejahteraan murid, menunjukkan sifat penyayang, mempunyai sifat yakin diri dalam menyampaikan proses PdP yang harus berlaku dalam konteks dua hala. Cara guru berinteraksi dengan murid dapat menggambarkan kesungguhan guru tersebut dalam membantu murid meneroka pengetahuan baru dan seterusnya dapat menggambarkan komitmen guru tersebut dalam bidang kerjaya perguruan.

Peranan dan tanggungjawab yang ada dalam kalangan guru bukan sahaja kepada murid-murid dan sekolah, tetapi juga kepada diri dan personaliti guru itu sendiri. Guru-guru perlu terlebih dahulu melengkapkan diri dengan kemahiran dan juga perlu menguasai pedagogi pendidikan sebelum menceburkan diri dalam PdP bahasa Melayu. Kecekapan seseorang guru secara profesional sebenarnya terletak kepada kecekapan guru tersebut dari aspek sikap dan kepercayaan, kecekapan dalam mengendalikan sesi PdP dan yang penting ialah penguasaan guru tersebut dalam mata pelajaran yang diajar. Kementerian Pelajaran Malaysia (2009) telah meletakkan tanggungjawab guru dalam satu standard yang dipanggil Standard Guru Malaysia (SGM) seperti Rajah 2 di bawah:

**Rajah 2: Standard Guru Malaysia (SGM) 2.0**



Berdasarkan rajah di atas, tanggungjawab guru dibahagikan kepada empat teras etika perguruan, iaitu:

1. Tanggungjawab terhadap profesion atau kerjaya seorang guru;
2. Tanggungjawab terhadap murid;
3. Tanggungjawab terhadap ibu bapa/penjaga; dan
4. Tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara.

Keempat-empat tanggungjawab ini pula akan dapat diadaptasi melalui kebersediaan guru mengadaptasi dan patuh pada elemen-elemen pembentukan sahsiah keguruan yang meliputi empat domain kompetensi yang utama yang perlu dimiliki oleh guru pada pelbagai tahap pembangunan profesionalisme untuk melaksanakan PdP dengan berkesan. Empat kompetensi yang dinyatakan ialah orientasi ilmu, instruksional, penglibatan komuniti dan kualiti peribadi yang akhirnya akan membentuk seorang guru yang mempunyai jiwa pendidik yang dapat melaksanakan tugas pendidikan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi.

Selaras dengan standard yang telah ditetapkan, maka tanggungjawab guru bahasa Melayu juga adalah selaras dengan tanggungjawab yang digariskan dalam standard tersebut. Tanggungjawab terhadap kerjaya memerlukan seorang guru membina kecekapan dalam melengkapkan dirinya untuk menjadi seorang pendidik. Keperluan memantapkan diri dengan pengetahuan dalam kandungan mata pelajaran adalah sangat penting bagi memastikan setiap perkara yang diajar dapat diterangkan dengan jelas dan setiap masalah yang berkaitan dengan bahasa Melayu dapat diselesaikan dengan baik. Sehubungan dengan itu, sebagai guru bahasa Melayu, adalah menjadi tanggungjawab guru tersebut untuk memastikan dirinya mencapai tahap kecekapan berbahasa sesuai dengan tarafnya sebagai seorang guru. Penguasaan guru bahasa Melayu terhadap subjek bahasa Melayu itu sendiri menjadi penentu utama dalam memastikan guru tersebut mampu menjalankan aktiviti PdP yang berkesan.

Selain kecekapan dalam sukanan pelajaran dan isi kandungan mata pelajaran, seorang guru itu juga bertanggungjawab untuk memperlengkapkan



dirinya dengan kemahiran kaedah PdP atau pedagogi. Pengukuhan kemahiran pedagogi dalam kalangan guru bahasa Melayu menjadi pemangkin bagi pelaksanaan pendidikan yang berkesan. Berdasarkan taksonomi Bloom, pedagogi yang perlu ada dalam kalangan guru terbahagi kepada tiga bidang, yang pertama disebut sebagai bidang kognitif. Bidang kognitif merujuk pada aktiviti mental seperti kefahaman, pengetahuan dan analisis. Di sini seorang guru bahasa Melayu perlu terlebih dahulu mempunyai kefahaman dan pengetahuan tentang subjek bahasa Melayu dan seterusnya mampu melakukan analisis subjek tersebut. Bidang kedua merujuk kepada bidang afektif, iaitu yang berkaitan dengan sikap dan sahsiah diri. Sikap dan sahsiah guru yang mengajar mata pelajaran tertentu memainkan peranan penting dalam memastikan aktiviti PdP mencapai matlamat yang diharapkan. Seseorang guru perlu mempunyai sikap dan sahsiah yang dapat menarik minat dan dapat mempengaruhi fikiran pelajar supaya minat terhadap subjek yang diajar, dalam PdP bahasa Melayu, guru seharusnya dapat menunjukkan sikap yang mampu menarik minat murid untuk belajar dan menguasai bahasa Melayu. Sifat yang dianjurkan menerusi bahasa Melayu yang sopan santun dan lemah lembut perlu diamalkan dan dipertontonkan kepada murid bagi memastikan murid dapat memahami dan menghayati penggunaan bahasa Melayu itu sendiri hasil daripada proses PdP yang dilakukan. Kemahiran menguasai aspek budaya yang terkandung dalam bahasa Melayu ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan guru itu sendiri.

Bidang yang ketiga pula merujuk kepada bidang psikomotor yang berkaitan dengan aktiviti fizikal seperti kemahiran hidup, pertukangan dan sukan. Dalam hal yang berkaitan dengan subjek bahasa Melayu pula, adalah lebih menarik seandainya guru bahasa Melayu mampu membawa murid-murid melalui aktiviti yang menarik dalam proses PdP bahasa Melayu ini, mempelbagaikan kaedah pengajaran seperti melakukan aktiviti lakonan, aktiviti kebahasaan yang lain seperti mendeklamasi puisi, berbalas pantun, mencipta puisi ataupun melaksanakan PdP di luar bilik darjah, seperti mengadakan acara sukan dengan memasukkan elemen penggunaan bahasa Melayu yang betul sepanjang aktiviti akan lebih menarik minat murid dan menghidupkan lagi suasana PdP bahasa Melayu.

## **MEMBINA KECEKAPAN GURU BAHASA MELAYU**

Membina kecekapan guru bahasa Melayu merupakan satu cabaran utama dalam memastikan komponen kemahiran berbahasa dapat dilaksanakan mengikut perancangan dan objektif hasil pembelajaran subjek Bahasa Melayu. Bagi memastikan aspek kemahiran berbahasa ini dapat diterapkan sepenuhnya dalam PdP, guru-guru bahasa Melayu perlu terlebih dahulu membina kecekapan dalam diri sendiri sebelum masuk ke dalam kelas untuk memulakan pengajaran. Keperluan membina kecekapan guru dalam mengendalikan PdP amat penting dalam bidang kerjaya guru itu sendiri, baik di Malaysia mahupun Singapura dan semua guru bahasa Melayu harus melengkapkan diri dengan kecekapan berbahasa, seperti mana yang disebut oleh Zamri Mahamod (2011) dalam kertas ucaptama beliau yang mengatakan bahawa dalam abad ke-21 ini, setiap guru Bahasa Melayu sama ada yang mengajar di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah mahupun di institusi pengajian tinggi seharusnya memiliki kecekapan berbahasa yang baik. Selain empat kemahiran asas yang diberi penekanan dalam melahirkan pelajar yang seimbang dari segi kemahiran berbahasa, guru-guru bahasa Melayu juga perlu menguasai kecekapan berbahasa antaranya seperti berikut:

1. Kecekapan berkomunikasi;
2. Kecekapan berhujah dan membidas;
3. Kecekapan berbincang dan mengulas;
4. Kecekapan menyоal;
5. Kecekapan menyatakan dan menghuraikan ilmu pengetahuan dan pendapat;
6. Kecekapan membaca, memahami dan merumus teks;
7. Kecekapan menganalisis dan mentafsir maklumat;
8. Kecekapan membaca dan menaakul pelbagai bahan;
9. Kecekapan membina ayat; dan
10. Kecekapan menulis.

Boleh dikatakan bahawa kesemua senarai kecekapan yang ada di atas merupakan kemahiran berbahasa yang perlu ada dalam kalangan guru bahasa Melayu. Berbicara tentang kemahiran berbahasa ini, seperti yang kita ketahui



kesemuanya melibatkan hubungan komunikasi sama ada bersifat sehala mahupun dua hala. Seorang guru seharusnya mampu dan bersedia untuk menjadi seorang pendidik yang bukan sahaja boleh bercakap di hadapan murid, berhujah, berbincang, membaca, menulis dengan menggunakan sistem dan peraturan tatabahasa yang betul, tetapi juga perlu bersedia untuk menjadi contoh teladan yang akan menjadi ikutan dan pemangkin kepada pembentukan sahsiah murid terutama dalam aspek kemahiran berbahasa. Kecekapan guru bahasa Melayu mengendalikan kelas, menarik minat murid dan mampu mendorong murid sentiasa mahu belajar bahasa Melayu dengan penuh keyakinan sebenarnya terletak pada diri guru itu sendiri.

Seorang guru akan mampu melahirkan pemimpin dunia sekiranya guru tersebut benar-benar dapat menguasai bidang dan juga benar-benar mampu mendidik anak muridnya untuk memahami dan menghayati mata pelajaran yang diajar, begitu juga sebaliknya. Guru merupakan saluran kedua kepada murid-murid dalam mempelajari cara hidup dan juga mengenal dunia kehidupan. Selepas ibu bapa, gurulah yang menjadi idola kepada murid-murid yang majoritinya akan membentuk keperibadian murid-murid tersebut dan akhirnya akan membawa kepada pembentukan sahsiah diri murid pada masa hadapan. Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan insan yang telah berjaya di mata dunia tetap akan mengatakan bahawa gurulah yang menjadi sumber inspirasi kepada kejayaan yang diperoleh. Dalam hal ini, guru bahasa Melayu seharusnya cekap dalam memastikan bahawa kandungan isi mata pelajaran yang ingin disampaikan dapat difahami dan yang penting mampu membuat murid berasa minat dan seronok belajar mata pelajaran bahasa Melayu itu sendiri. Belajar bahasa Melayu bukanlah sekadar belajar tentang proses pembentukan kata, golongan kata, membina ayat, memahami makna dan sebagainya, tetapi sebenarnya lebih kepada menjiwai roh bahasa Melayu itu sendiri. Menjiwai roh bahasa ini sebenarnya lebih pada bagaimana seorang guru dapat menghidupkan bahasa Melayu yang diajar dalam jiwa murid-murid dan seterusnya membina keyakinan murid-murid dalam menggunakan bahasa Melayu ketika mereka tamat pengajian. Memupuk minat terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu ini bukanlah semudah yang disangka. Seperti yang kita ketahui, ramai murid mengatakan bahawa subjek Bahasa Melayu ialah mata pelajaran yang paling tidak diminati oleh murid-murid dengan alasan

subjek tersebut terlalu susah dan membosankan. Maka di sinilah, guru-guru perlu melengkapkan diri dengan kemahiran psikologi bagi memastikan murid-murid kembali meminati subjek Bahasa Melayu dan berasa seronok ketika belajar.

Cabarannya besar yang dihadapi oleh guru-guru bahasa Melayu hari ini adalah untuk mengajar murid-murid era globalisasi yang kita sedia maklum bersifat individual dan agak kurang pendedahan kepada aktiviti sosial. Kemajuan sains dan teknologi telah membentuk satu masyarakat moden yang bijak dalam mencari maklumat. Boleh dikatakan bahawa kebanyakan anak muda terutama generasi Z lebih cenderung untuk bersendirian dalam dunia maya berbanding membina hubungan sosial dengan orang lain. Generasi Z merupakan generasi teknologi yang lahir dari tahun 1998 hingga 2009. Mereka telah mula melayari internet dan web seiring dengan usia mereka sejak mereka masih belum bercakap. Generasi Z telah dibimbing dan digalakkan oleh ibu bapa menggunakan dunia laman sosial sejak kecil lagi. Dengan kata lain, generasi Z membesar di dalam dunia yang semuanya berhubung menerusi teknologi sejak dari awal lagi. Dengan itu, kemudahan mendapatkan maklumat secara maya ini sebenarnya boleh dimanfaatkan oleh guru bagi menarik minat murid-murid untuk belajar dan menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Pengetahuan dan pengalaman berkaitan dengan teknologi digital dalam PdP akan membawa hasil yang memberangsangkan dalam menjadikan PdP subjek bahasa Melayu menarik dan mudah diikuti oleh golongan generasi Z ini.

## **MEMPERKUKUH PENGETAHUAN DALAM KANDUNGAN, PEDAGOGI, PENILAIAN DAN PENGGUNAAN ICT**

Pedagogi dalam PdP yang berkesan banyak bergantung pada pengetahuan yang dimiliki oleh guru terhadap mata pelajaran yang diajar. Dalam hal ini, isi kandungan yang terkandung dalam sukanan pelajaran subjek Bahasa Melayu perlulah dikuasai dengan baik oleh guru yang mengajar. Sukanan Pelajaran dan Huraian Sukanan Pelajaran Bahasa Melayu, mengajar bahasa Melayu tinggi, melengkapkan murid dengan ilmu, cabaran loghat tempatan dan isu bahasa Melayu yang kurang bernilai komersil merupakan cabaran besar yang perlu dihadapi oleh guru bahasa Melayu dalam menyampaikan ilmu serta memastikan murid-murid dapat menguasai aspek kemahiran berbahasa seperti



yang dirancang. Mohd Isha Awang (2008) mengatakan bahawa pendekatan PdP bahasa Melayu khususnya pengajaran kemahiran menulis memerlukan contoh-contoh sesuai yang terbaik dan menggunakan bahasa Melayu yang standard. Keadaan ini memerlukan guru menyediakan satu pendekatan yang menyeluruh merangkumi aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Dalam konteks ini, guru perlu mendalami ilmu bahasa dan ilmu pendidikan agar selari dengan perkembangan semasa. Dengan pengetahuan bahasa dan ilmu pendidikan yang mendalam, para guru bahasa Melayu akan dapat mendepani segala cabaran dalam PdP bahasa Melayu di dalam bilik darjah serta menjadi pakar rujuk bagi murid, rakan sekerja atau golongan yang memerlukan bimbingan. Lanjutan daripada itu, keperluan melengkapkan diri dengan kandungan mata pelajaran adalah sangat penting bagi melahirkan murid yang mampu menguasai aspek kemahiran berbahasa seperti yang diharapkan dalam falsafah pendidikan negara.

Selain daripada menguasai isi kandungan mata pelajaran dan pedagogi, guru bahasa Melayu juga perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran penilaian. Penilaian dalam pendidikan merupakan suatu proses mentaksir sama ada kuantiti atau takat sesuatu yang diukur itu boleh diterima atau tidak. Dengan itu, penilaian melibatkan tiga langkah seperti:

- Mendapatkan maklumat melalui cara mengukur;
- Menetapkan suatu kriteria bagi pengukuran; dan
- Membuat sesuatu pentaksiran (pertimbangan) tentang pengukuran.

Dalam hal ini, guru bahasa Melayu juga perlu bersedia membuat penilaian terhadap aktiviti PdP yang telah dilaksanakan. Tidak dapat dinafikan bahawa penilaian yang dilakukan akan dapat menunjukkan sama ada PdP yang telah dilaksanakan berkesan ataupun sebaliknya. Penilaian penting bagi mengumpul maklumat tentang tahap kelakonan dan pencapaian murid. Sekiranya terdapat kelemahan yang dikenal pasti dalam proses penilaian, guru akan membuat satu kesimpulan bagi membantu murid untuk membaiki pencapaian mereka. Kecekapan guru membuat penilaian dalam proses PdP bahasa Melayu ini pastinya dapat membantu murid memperbaik kelemahan yang sedia ada terutama dalam aspek kemahiran berbahasa.

Kementerian Pendidikan Malaysia menggariskan skop penilaian dalam PdP melibatkan tiga komponen penting, iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Penilaian dalam PdP meliputi aspek kognitif murid. Guru perlu menilai sejauh mana berlaku perkembangan intelek atau peningkatan aspek pengetahuan dalam minda murid. Hal ini sedemikian kerana objektif pembelajaran perlu dicapai pada setiap akhir pembelajaran. Oleh itu, guru perlu mengukur tahap kefahaman murid terhadap sesuatu tajuk pembelajaran dengan menilai perkembangan intelek mereka. Dengan mengadakan ujian-ujian tertentu guru boleh mengetahui perkembangan tahap pengetahuan yang berlaku dalam kalangan murid. Bagi mata pelajaran bahasa Melayu, penilaian kognitif yang dibuat oleh guru perlu dapat mengesan tahap kefahaman murid, terutama dalam aspek penguasaan bahasa Melayu mengikut tahap-tahap yang telah ditetapkan. Penilaian dari aspek afektif pula meliputi aspek perasaan murid yang merangkumi perkembangan minat, motivasi, rohani, dan emosi murid melalui proses PdP yang dilalui. Hal ini sedemikian kerana, murid akan melalui pelbagai pengalaman sepanjang proses pembelajaran. Sebagai contoh, kadangkala murid berasa malas, tidak bersemangat untuk belajar, atau emosi murid terganggu. Oleh itu, apabila guru melakukan penilaian, guru akan mengesan sejauh mana perkembangan afektif murid berlaku. Jika perkembangan memperlihatkan hasil yang negatif, guru akan melakukan tindakan lanjut bagi melakukan penambahbaikan bagi aspek tersebut. Penilaian aspek psikomotor meliputi aspek perkembangan sikap dan tingkah laku murid hasil daripada proses PdP yang dilalui. Semasa proses pembelajaran, murid akan didedahkan kepada pelbagai perkara dengan menggunakan kaedah-kaedah pengajaran yang berbeza. Oleh itu, penilaian terhadap perkembangan psikomotor murid ini penting bagi menilai tindak balas positif murid sama ada dalam bentuk tingkah laku atau sikap semasa proses pembelajaran. Jika murid berubah menjadi seorang yang aktif dan memberi kerjasama yang baik sepanjang proses pembelajaran, maknanya kaedah pengajaran yang digunakan berkesan atau sebaliknya. Maka adalah penting guru-guru bahasa Melayu menguasai aspek penilaian bagi memastikan keberkesanan PdP sesuai dengan hasil pembelajaran yang dirancang berdasarkan sukanan pelajaran.

Ledakan Revolusi Industri 4.0 telah mula terasa bahangnya. Revolusi Industri Keempat (Industri 4.0) yang melibatkan teknologi automasi pastinya



memberi cabaran baharu kepada semua sektor di seluruh dunia yang memerlukan manusia melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital itu untuk kekal berdaya saing. Sebelum ini, Revolusi Industri Pertama bergantung pada penggunaan mesin berkuasa wap. Revolusi Industri Kedua pula melibatkan kuasa elektrik. Diikuti Revolusi Industri Ketiga berasaskan teknologi maklumat dan komputer sebagai tonggaknya. Bagaimanapun, Revolusi Industri 4.0 mencakupi penemuan pelbagai teknologi baharu seperti automasi, keprihalan Internet (*Internet of Things (IoT)*), analisis dan data raya, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan kaedah penyimpanan awan (*cloud storage*) yang bakal merancakkan kemajuan landskap dunia moden.

Revolusi ini menandakan kemunculan sistem fizikal siber yang melibatkan keupayaan baharu sepenuhnya bagi manusia, mesin dan kaedah baharu teknologi dalam kehidupan. Walaupun kemunculan Revolusi Industri 4.0 menjadi cabaran yang sangat besar dalam dunia pendidikan hari ini, persediaan dan keupayaan guru-guru telahpun diambil kira oleh pihak yang berkenaan. Kementerian Pendidikan Malaysia, begitu juga dengan pihak Kementerian Pendidikan Singapura telahpun memasukkan agenda Revolusi Industri 4.0 ini dalam perancangan masa hadapan sistem pendidikan masing-masing. Perancangan untuk memastikan para guru bersedia menghadapi cabaran masa hadapan turut dimasukkan dalam pelan strategik negara. Kementerian Pendidikan Malaysia misalnya telah memasukkan komponen kemahiran teknologi maklumat dan latihan PdP secara dalam talian sebagai nilai tambah dalam kerjaya perguruan, manakala pemerintah Singapura pula telah memasukkan komponen Kemahiran Masa Hadapan untuk para Pendidik (*SkillsFuture for Educators - SFEd*) sebagai persediaan dalam mengharungi kedatangan Revolusi Industri 4.0 ini. Kemunculan Revolusi Industri 4.0 ini kelihatan seperti akan mengubah mod PdP, namun bagi bidang pendidikan, PdP secara maya tidak dapat mencapai matlamat falsafah pendidikan yang sebenarnya. Dalam hal ini, PdP bahasa Melayu, tidak mungkin dapat dilaksanakan sepenuhnya secara maya, kerana ada nilai-nilai utama dalam bahasa yang hanya boleh disampaikan melalui mod PdP interaktif secara bersemuka. Nilai-nilai seperti penerapan sikap sopan dan santun, mengaplikasikan perkara-perkara yang berkaitan dengan nilai dan budi bahasa yang terkandung dalam bahasa dan budaya Melayu itu sendiri hanya akan dapat disampaikan dengan baik melalui PdP secara bersemuka.

Penyampaian nilai-nilai murni dalam berbahasa seperti adab sopan, intonasi dalam berbahasa, amalan baik dalam perbualan agak sukar dicapai dengan menggunakan teknologi digital. PdP secara digital ini mengehadkan hubungan dua hala antara guru dan murid-murid. Objektif dan matlamat PdP dalam meningkatkan kemahiran berbahasa dari aspek penghayatan terhadap seni dan jika bahasa itu sendiri sukar diterapkan secara dalam talian. Kesukaran dalam memastikan semua pelajar dapat memahami dan mempraktikkan aspek-aspek yang berkaitan dengan pergerakan tubuh badan, keikhlasan dari senyuman, mahupun ketika mengadakan aktiviti komunikasi dalam kumpulan yang pastinya memerlukan pertemuan secara bersemuka. Namun begitu PdP boleh saja dilaksanakan dalam talian jika ada mekanisme yang dapat membantu membentuk satu pembentukan akhlak insaniah dalam memastikan adat resam, budaya, budi bahasa dan amalan murni dalam berbahasa yang boleh memupuk kesan afektif dalam PdP.

Tidak dinafikan bahawa kesan yang akan dibawa ledakan Revolusi Industri 4.0 ini sedikit sebanyak akan membawa perubahan yang besar dalam dunia pendidikan secara global dan juga tempatan. Keperluan menangani kekurangan dalam pengendalian aplikasi komputer dan pengendalian kelas secara dalam talian adalah penting bagi memastikan proses PdP dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Keadaan menjadi semakin runcing apabila baru-baru ini dunia dikejutkan dengan penularan wabak pandemik COVID-19 yang telah menyebabkan pergerakan secara fizikal menjadi kaku dan perintah kawalan pergerakan (PKP) terpaksa dilaksanakan di seluruh dunia. Keadaan ini bukan sahaja telah menyebabkankekangan dalam pergerakan manusia tetapi juga menimbulkan keresahan dan ketegangan dalam kalangan pendidik atau guru-guru dalam usaha menamatkan sesi PdP mengikut perancangan ataupun sukatan pelajaran yang telah disusun. Fenomena ini tentu sahaja telah membuka mata banyak pihak, terutama guru-guru dan ibu bapa yang terpaksa bekerja dari rumah, begitu juga dengan murid-murid yang perlu mengikuti kelas secara maya. Keadaan ini sedikit sebanyak juga telah membuka era baru dalam dunia pendidikan. Kemahiran mengendalikan kelas secara maya ini telah mula dikuasai oleh para guru sedikit demi sedikit. Ini secara tidak langsung dapat membantu para guru membuat persediaan untuk masa hadapan. Muhi tidak muhi, tanpa kemahiran yang tinggi, para guru terpaksa mengendalikan kelas secara dalam talian dan ibu bapa juga terpaksa



memastikan anak-anak mereka mengikuti kelas yang diadakan. Berdasarkan pengalaman ini, dapat dilihat bahawa banyak perkara perlu dipelajari dan diperbaik oleh semua pihak, baik dari kalangan para guru, ibu bapa maupun murid-murid yang belajar di rumah.

Lanjutan daripada itu, guru perlu menguasai pendekatan pengajaran secara maya dengan mengaplikasikan aktiviti-aktiviti yang lebih menarik sesuai dengan ciri-ciri murid generasi baharu yang lebih minat kepada aplikasi komputer berbanding menghadiri kelas secara bersemuka. Banyak aplikasi yang boleh digunakan bagi menjadikan suasana kelas hidup dan dapat menarik minat murid-murid untuk belajar dan menguasai bahasa Melayu dengan baik.

## **MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGAJAR BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN GURU**

Pengalaman yang dilalui oleh semua manusia ketika dilanda wabak COVID-19 memerlukan kita semua prihatin dan peka terhadap keperluan masa hadapan. Secara tidak langsung kemahiran mengajar bahasa Melayu juga perlu dikemas kini selaras dengan cabaran dan keperluan masa akan datang. Menurut kajian yang dijalankan oleh Nor Hashimah Jalaludin, Junaini Kasdan dan Zaharani Ahmad (2010), walaupun bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa pengantar di sekolah kebangsaan, dan mata pelajaran bahasa Melayu wajib diambil dan dijadikan syarat untuk memasuki pusat pengajian tinggi, masih ramai murid gagal menguasai bahasa Melayu sepenuhnya. Kajian tersebut juga mendapati bahawa murid hilang minat untuk mempelajari bahasa Melayu disebabkan oleh aktiviti pengajaran yang kurang menarik. Maka di sini jelas bahawa keperluan meningkatkan kemahiran mengajar dalam kalangan guru bahasa Melayu sangat signifikan bagi memastikan murid-murid terus berminat dan sentiasa seronok untuk belajar bahasa Melayu. Cabaran dalam meningkatkan kemahiran mengajar ini akan menjadi sumber kekuatan dalam memastikan kemahiran berbahasa pelajar yang belajar bahasa Melayu dapat ditingkatkan.

Abdul Rashid Jamian (2016) mengatakan bahawa pelaksanaan kurikulum bergantung pada keupayaan guru melaksanakannya dengan

berkesan. Pengajaran yang berkesan merupakan kebolehan guru itu sendiri untuk mengajar dengan baik dan berkesan serta dapat memotivasi murid mereka untuk terus belajar bagi mencapai kecemerlangan. Guru harus memahami perubahan yang berlaku dan sekaligus bersedia melaksanakan tuntutan daripada perubahan tersebut. Oleh hal yang demikian, keupayaan guru mengajar amat dititikberatkan dalam melaksanakan kurikulum dan pengajaran yang berkesan. Beliau juga mengatakan bahawa guru-guru perlu peka terhadap pemilihan aktiviti yang dijalankan di dalam bilik darjah bagi meningkatkan motivasi murid kerana untuk menjayakan pengajaran, guru perlu menguasai perhatian dan minda murid-murid. Namun, di sini saya merasakan bahawa sebelum guru-guru dapat memberi motivasi kepada murid-murid, guru-guru juga perlu terlebih dahulu memotivisasikan diri sendiri sebagai persediaan untuk mengajar bahasa Melayu. Motivasi yang dimaksudkan di sini ialah minat dan keprihatinan guru dalam menjadikan suasana PdP bahasa Melayu hidup dan dapat menarik minat murid untuk lebih dedikasi dalam mempelajari bahasa Melayu.

Subjek Bahasa Melayu hari ini seringkali menghadapi pelbagai kemelut dalam usaha kita mahu menjadikannya sebagai satu subjek yang diminati dan dapat menghasilkan pelajar bahasa Melayu yang cekap dan mahir menggunakan bahasa Melayu. Kemahiran mengajar subjek bahasa perlu dikuasai dengan baik oleh guru bagi memastikan pengajaran berkesan dapat dihasilkan. Teknik-teknik pengajaran yang sesuai perlu dikuasai oleh guru terlebih dahulu sebelum mulakan pengajaran. Norliza Jamaluddin (2019) dalam kertas kerja beliau yang bertajuk “Amalan Pengajaran Bahasa Melayu: Cabaran dan Harapan” telah menyenaraikan sembilan aspek pengajaran bagi pelaksanaan pelajaran. Setiap aspek pengajaran terdapat amalan pengajaran. Kesemua amalan pengajaran yang disenaraikan itu bertujuan untuk mengukuhkan amalan PdP guru-guru Singapura. Sembilan amalan pengajaran bagi pelaksanaan pelajaran seperti yang berikut:

1. Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada;
2. Merangsang Minat;
3. Menggalakkkan Pelibatan Pelajar;
4. Menggunakan Fleksibiliti;



5. Memberikan Penerangan yang Jelas;
6. Menyusun Langkah dan Mengelakkan Momentum;
7. Memudah Cara dan Pembelajaran Kolaboratif;
8. Menggunakan Soalan untuk Memperdalam Pembelajaran; dan
9. Menutup Pelajaran.

Secara dasarnya, kemahiran mengajar memainkan peranan penting dalam usaha meningkatkan kemahiran berbahasa murid-murid. Persediaan dan kesediaan guru dalam melaksanakan aktiviti PdP yang berkesan pastinya akan membawa hasil dan dapat mencapai objektif hasil pembelajaran seperti yang diharapkan.

## **MENINGKATKAN PEMBELAJARAN BAHASA, BUDAYA DAN NILAI BUDAYA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR**

PdP bahasa Melayu pastinya mahu menghasilkan murid yang berjaya menguasai kemahiran berbahasa Melayu yang berkesan. Sehubungan dengan itu, selain belajar bunyi, kata, ayat dan makna dalam bahasa, murid-murid perlu didekahkan cara berbahasa, dan nilai budaya Melayu itu sendiri bagi memastikan mereka dapat memahami dan mengaplikasikan bahasa Melayu sesuai dengan keadaan dan konteks yang sebenar. Seperti yang kita semua ketahui murid-murid yang mengambil mata pelajaran bahasa Melayu, baik di Malaysia maupun Singapura terdiri daripada pelbagai bangsa. Murid-murid perlu mendapat pendedahan yang cukup dari aspek bahasa dan nilai budaya Melayu bagi membolehkan mereka memahami penggunaan sebenar bahasa Melayu. Bukan sahaja murid-murid bukan berbangsa Melayu perlu mendapat pendedahan, bahkan yang berbangsa Melayu juga perlu didekahkan kepada aspek bahasa, dan nilai budaya Melayu itu sendiri.

Bagi meningkatkan pembelajaran bahasa dan nilai budaya Melayu dalam kalangan pelajar ini, guru boleh menggunakan pendekatan membawa suasana sebenar penggunaan bahasa Melayu ke dalam bilik darjah. Mempelbagaikan aktiviti kolaboratif murid di dalam bilik darjah pasti akan menghidupkan suasana PdP. Murid-murid boleh dilatih menggunakan bahasa Melayu yang betul dalam suasana sebenar, misalnya aktiviti persembahan lakonan di pasar, di pejabat, di padang, atau di mana sahaja yang boleh

memberi rangsangan kepada murid-murid menggunakan bahasa Melayu yang betul. Begitu juga aktiviti PdP yang berkaitan dengan budaya, pihak guru dan sekolah misalnya boleh saja mengadakan “Hari Bahasa Melayu” atau “Minggu Bahasa Melayu” yang mana semua murid berpakaian Melayu dan bertutur dan berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu yang betul serta diisi dengan aktiviti yang berkaitan dengan budaya Melayu seperti aktiviti sukan, kuiz, berbalas pantun dan sebagainya. Aktiviti pembelajaran akan lebih menarik jika pihak sekolah memasukkan tema yang sesuai, misalnya tema perayaan, tema majlis kenduri, tema sambutan hari lahir dan sebagainya, yang sudah tentu dapat menarik minat dan memberi rangsangan kepada murid dalam meningkatkan pembelajaran bahasa, dan nilai budaya Melayu itu sendiri. Di Singapura, terdapat program Dwiminggaan Bahasa Ibunda untuk memberi peluang kepada pelajar menggunakan Bahasa Ibunda dengan cara yang menarik dan menyeronokkan.

## **KEMAHIRAN ABAD KE-21 DAN KEMAHIRAN MASA HADAPAN UNTUK PARA PENDIDIK**

Abad ke-21 ini telah menyaksikan pelbagai perubahan dalam dunia pendidikan. Lanjutan daripada itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mahupun Singapura telahpun memulakan langkah-langkah penting dalam memastikan para pendidik, pelajar dan murid-murid bersedia memasuki segala pembaharuan yang bakal tiba. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, ledakan Revolusi Industri 4.0 memerlukan semua pihak bersedia dan mencari peluang dalam meneruskan kemajuan yang hendak dicapai. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012-2025), Kementerian Pendidikan Malaysia telah merangka beberapa langkah sebagai persediaan kepada pendidik yang menjadi pemudah cara dalam penyampaian ilmu pengetahuan. Pihak kementerian telah mengeluarkan garis panduan dan matlamat yang perlu dicapai. Justeru, satu reformasi kurikulum pendidikan telah dilancarkan melalui kurikulum standard sekolah yang memberi tumpuan pada aspek-aspek kemahiran dan kompetensi yang boleh memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21. Di sini, para guru digalakkan mengambil inisiatif pembangunan kendiri bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta mengaplikasikan amalan pengajaran baharu yang mampu memenuhi keperluan abad ke-21.



Menurut Nor Azlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali (2019), terdapat empat kemahiran yang harus dikuasai oleh murid dalam pembelajaran abad ke-21, iaitu komunikasi, pemikiran kritis, kolaboratif dan kreativiti. Tanggungjawab memupuk kemahiran pembelajaran abad ke-21 dilihat sebagai sangat penting dalam visi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dan semua guru perlu memainkan peranan utama dalam merealisasikan misi ini bagi mencapai hasil yang terbaik. Pengetahuan perlu disampaikan secara bersepadu ke dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran. Guru perlu cekap dalam mempelbagaikan teknik pengajaran supaya dapat memberi peluang kepada murid dengan pelbagai keperluan pembelajaran bagi mencungkil potensi terhebat murid. Singapura pula telah memperkenalkan Kemahiran Masa Hadapan Untuk Pendidik (*SkillsFuture for Educators* - SFEd) dengan matlamat yang sama, iaitu untuk meningkatkan kecekapan guru dan mendorong pembelajaran sepanjang hayat. Kementerian Pendidikan Singapura memperkenalkan “*SkillsFuture for Educators*”, bagi pengembangan pembangunan profesional guru. Jika dilihat inisiatif yang diambil oleh kedua-dua negara ini jelas bahawa kerajaan mahukan para pendidik bersiap sedia menghadapi mod PdP era ke-21 yang memerlukan para guru dan pendidik mahir dalam pelbagai aspek.

Kementerian Pendidikan Singapura misalnya telah meletakkan enam bidang amalan bagi meningkatkan kemahiran masa hadapan untuk para pendidik (*Six Areas of Practice*) yang terdapat dalam Kemahiran Masa Hadapan untuk Para Pendidik (*SkillsFuture for Educators* - SFEd). Bidang-bidang amalan tersebut ialah:

#### **a. Pengajaran Pembezaan**

Guru-guru perlu bijak menyesuaikan PdP untuk memenuhi keperluan pelajar yang berbeza dari segi kognitif, minat, kesediaan, profil bagi meningkatkan potensi pelajar sepenuhnya. Bagi memastikan kesemua pelajar dapat memahami isi kandungan pengajaran, maka adalah penting para guru meneliti pengetahuan sedia ada murid-murid bagi memastikan setiap murid diberi bimbingan sesuai dengan tahap penguasaan bahasa mereka. Tugas menyediakan pengajaran pembezaan ini sememangnya agak mencabar kerana guru perlu membuat penilaian terlebih dahulu sebelum dapat mengakses

maklumat berkaitan dengan tahap penguasaan bahasa Melayu murid yang diajar. Seperti yang kita ketahui guru-guru perlu melengkapkan buku rekod pengajaran yang perlu patuh pada sukanan pelajaran yang disediakan oleh pihak kementerian. Kerja-kerja menyusun dan merancang aktiviti pengajaran yang perlu diisi dalam buku rekod ini akan menjadi panduan kepada guru dalam melaksanakan aktiviti PdP di dalam kelas. Oleh itu, rekod pencapaian dan rekod penilaian tahap penguasaan dan kemahiran berbahasa murid akan dapat membantu para guru membuat perancangan dan menerapkan strategi PdP yang berbeza bagi murid-murid yang berlainan profilnya.

### **b. Pembelajaran Berasaskan Inkuiiri**

Pelbagai isu tentang aktiviti PdP bahasa Melayu dikemukakan oleh orang ramai. Baik dalam kalangan pelajar, ibu bapa, orang awam maupun guru-guru sendiri. Kesukaran mendapatkan perhatian daripada pelajar atau murid semasa belajar bahasa Melayu menjadi cabaran kepada guru. Kegagalan murid-murid menguasai aspek kemahiran berbahasa menjadikan ibu bapa menyalahkan guru yang dikatakan tidak peka dan tidak mahir mendidik. Isu-isu seperti ini sebenarnya tidak seharusnya berlaku dalam dunia pendidikan. Pelbagai pendekatan atau strategi PdP yang lebih menarik boleh diaplakisikan dalam memastikan murid-murid dan para guru sama-sama berasa seronok semasa aktiviti PdP dijalankan. Pembelajaran berasaskan inkuiiri memberi peluang kepada pelajar untuk mengemukakan soalan yang bermakna dan mengemukakan dapatan dan bukti untuk mengatasi dan menyelesaikan sesuatu isu atau masalah yang kompleks dalam kehidupan dan persekolahan. Dalam hal ini, selain menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan inkuiiri, guru boleh menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah (*problem-based learning*) bagi menggalakkan pelajar belajar menyelesaikan masalah-masalah berkaitan kebahasaan atau kehidupan yang tentunya akan mengasah kemahiran berfikir dalam kalangan murid-murid yang secara tidak langsung akan meningkatkan kemahiran berbahasa.

### **c. Literasi Penilaian**

Penilaian memainkan peranan penting dalam memastikan objektif hasil pembelajaran dapat dicapai. Dalam usaha meningkatkan kemahiran berbahasa ini, literasi penilaian bahasa Melayu haruslah diselaraskan dengan



tahap penguasaan bahasa Melayu yang dimiliki oleh pelajar. Guru-guru perlu tahu tentang kaedah dan cara untuk mereka bentuk dan menggunakan alat penilaian dengan berkesan bagi memantau dan menilai pencapaian serta mengatasi jurang pembelajaran dalam kalangan pelajar. Bagi merealisasikan hal ini guru-guru perlu memiliki ilmu pengetahuan supaya dapat mengamalkan prinsip, tatacara, strategi dan kaedah pentaksiran yang sesuai bagi membantu proses pembelajaran seterusnya membuat keputusan yang tepat dan adil mengenai pelajar, kurikulum, dan program pendidikan secara keseluruhan. Binaan penilaian yang perlu mengandungi perkara-perkara seperti konsep pentaksiran, kaedah pengukuran, pengujian, penskoran dan penggredan, dan statistik serta pelaporan ini dapat memperlihatkan binaan pengetahuan guru-guru dalam mereka bentuk penilaian yang sesuai dan selaras dengan tahap penguasaan bahasa Melayu murid-murid.

Di Malaysia masih belum ada instrumen khusus untuk mengukur literasi penilaian ini. Rohaya Talib & Mohd Najid Abd Ghafar (2008) mengatakan bahawa di Barat, instrumen literasi penilaian telah wujud sejak tahun 1990-an lagi. Mereka mengatakan bahawa Plake (1993), membina ujian *Classroom Assessment Literacy Inventory (CALI)* yang mengandungi 35 item berteraskan tujuh prinsip sebagai instrumen literasi penilaian. Mertler (2005) menambah baik instrumen dari aspek kejelasan bahasa, kebolehbacaan dan ketepat pilihan jawapan yang dikenali sebagai *Assessment Literacy Inventory (ALI)*. Mertler mencadangkan pengetahuan dan kemahiran pentaksiran dipertingkatkan secara berterusan dalam konteks pembangunan profesional guru. Maka di sini jelas bahawa literasi penilaian memainkan peranan penting dalam usaha mengenal pasti keupayaan murid-murid dalam kemahiran berbahasa. Perkara inilah yang telah dimasukkan oleh Kementerian Pendidikan Singapura dalam senarai Kemahiran Masa Hadapan untuk Para Pendidik.

#### d. E-pedagogi

Yusup Hashim (2012) mengatakan bahawa Pengetahuan Teknologi dan Pedagogi TPK (*Technological Pedagogical Knowledge*) ialah pemahaman bagaimana PdP dan pedagogi boleh berubah dek kesan teknologi dan cara teknologi itu digunakan. Ini termasuk mengetahui kemampuan (*affordances*) pedagogi dankekangan atau batasan pelbagai alat teknologi kerana ia berkaitan dengan subjek dan perkembangan reka bentuk, strategi dan pedagogi yang

sesuai. Untuk membina TPK, guru perlu mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang kekangan dan kemampuan teknologi dan konteks teknologi itu digunakan. Guru juga boleh menggunakan teknologi untuk membuat persempahan dan sumbang saran. Dari segi bahan PdP, ia boleh menggunakan pelbagai teknik persempahan seperti tunjuk tutup, teknik tetingkap, teknik tindan-tindih, teknik bayang (Yusup, 1993). Begitu juga teknologi projektor LCD, komputer riba dan tablet yang masing-masing mempunyai kemampuan dan batasan dari segi pedagogi atau pengajaran. Pemahaman tentang kemampuan teknologi berdasarkan sifat dan ciri-ciri teknologi itu sendiri serta bagaimana teknologi itu boleh dimanfaatkan mengikut konteks dan tujuan merupakan bahagian penting dalam pemahaman TPK. Begitu juga dengan teknologi pembelajaran lain yang masing-masing mempunyai kemampuan pedagogi berdasarkan pada ciri teknologi itu sendiri.

Pengetahuan Teknologi, Pedagogi dan Kandungan (TPACK) ialah asas pengajaran yang berkesan dengan teknologi, memerlukan pemahaman perwakilan konsep menggunakan teknologi; teknik pedagogi yang menggunakan teknologi dengan cara yang konstruktif untuk mengajar kandungan; apakah pengetahuan yang membuatkan konsep sukar atau mudah untuk dipelajari dan bagaimana teknologi boleh membantu menyelesaikan masalah PdP dan membina pengetahuan baharu berdasarkan pengetahuan sedia ada. Falsafah konstruktivisme yang memberi tumpuan pada pelajar dapat membantu teknologi untuk menyampaikan dan membina pengetahuan baharu. Guru boleh menggunakan TPACK setiap kali mengajar dengan membuat percaturan yang bijak untuk mengintegrasikan tiga komponen ini. Kemunculan teknologi baharu memerlukan guru menentukan keseimbangan atau *equilibrium* antara tiga komponen ini. Sebagai contoh penggunaan Internet dalam pembelajaran dalam talian memaksa guru memikirkan isu pedagogi seperti memuat turun kandungan dalam *Learning Management System* (LMS) seperti menggunakan *Moodle*, *google classroom* dan sebagainya. Guru juga perlu memikirkan bagaimana menggalakkan interaksi pelajar dengan bahan dan melibatkan mereka dalam forum dalam talian bagi menjadikan proses pembelajaran bersifat interaktif. Ini merupakan cabaran bagi sekolah setiap kali teknologi pengajaran baharu diperkenalkan. Guru perlu diberi latihan tentang teknologi, pedagogi dan cara mengintegrasikan kandungan dengan teknologi dan pedagogi.



### e. Sokongan untuk Pelajar bagi Pendidikan Berkeperluan Khas

Pelajar bagi pendidikan berkeperluan khas boleh dikategorikan kepada pelbagai golongan, antaranya seperti kategori masalah fizikal (cacat anggota), masalah emosi dan tingkah laku (autisme dan ADHD), masalah pembelajaran khusus (*dyslexia*) serta masalah penguasaan kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Kementerian Pendidikan Malaysia telah merancangkan satu program yang dipanggil program pendidikan inklusif bagi memberi peluang kepada kumpulan pelajar berkeperluan khas ini belajar bersama-sama dengan murid tipikal sekaligus dapat meningkatkan keupayaan mereka dengan lebih optimum. Terdapat dua jenis pendidikan inklusif yang dilaksanakan di Malaysia, iaitu pendidikan inklusif penuh dan separa. Inklusif penuh merujuk kepada murid berkeperluan khas mengikut semua mata pelajaran di kelas biasa, manakala inklusif separa merujuk kepada murid berkeperluan khas hanya berada di dalam kelas biasa bagi mata pelajaran tertentu sahaja (Saiful Azam, 2017).

Bagi memastikan pendidikan untuk murid yang berkeperluan khas ini dapat dilaksanakan dengan lancar bergantung pada beberapa aspek penting. Antara isu utama yang sering dibincangkan ialah sikap guru aliran perdana yang tidak dapat menerima murid berkeperluan khas dalam kelas mereka. Saiful Azam juga menyebut bahawa ada guru menganggap kewujudan murid berkeperluan khas ini melambatkan proses PdP kerana mereka perlu memperuntukkan masa yang lebih dalam mendidik murid tersebut. Ini menyebabkan guru-guru kurang memberi perhatian dan mengabaikan murid yang berkeperluan khas ini. Maka di sinilah guru-guru memainkan peranan penting sebagai pendidik, pemudah cara dan juga sebagai fasilitator yang mampu mendidik dan mengadun kurikulum yang ada supaya semua murid tidak kira tahap apa sekalipun dapat meningkatkan kemahiran berbahasa masing-masing. Tidak dinafikan bahawa mendidik pelajar berkeperluan khas ini memerlukan sifat sabar yang amat tinggi. Guru perlu memiliki tahap kesabaran dan sentiasa bersedia untuk mendidik dengan memperlihatkan sikap kasih sayang dan prihatin kepada murid-murid. Bagi murid yang berkeperluan khas ini, guru ibarat ibu dan bapa yang sentiasa prihatin terhadap kekurangan mereka. Dalam hal ini, bukan sahaja guru yang harus memainkan peranan, pentadbir, ketua sekolah dan seluruh warga sekolah juga perlu bersifat prihatin dan juga

sentiasa menerima bahawa setiap kekurangan murid itu ada kelebihan lain yang mereka miliki. Pengetahuan dan kerjasama dalam mengendalikan pelajar yang berkeperluan khas ini bukan terletak di tangan seorang guru sahaja tetapi meliputi semua warga sekolah dan juga ibu bapa sendiri.

## **PENDIDIKAN PERWATAKAN DAN KEWARGANEGARAAN (CCE)**

Satu usaha yang sangat murni yang dibuat oleh pemerintah Singapura adalah memasukkan elemen Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan dalam sistem pendidikan negara. Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan (CCE) merupakan nadi sistem pembelajaran di Singapura. Melalui CCE, murid-murid belajar menjadi lebih bertanggungjawab terhadap diri, keluarga dan masyarakat, dan memahami peranan mereka dalam membentuk masa hadapan negara. Dalam menghasilkan kurikulum CCE, trend-trend terkini dan pembangunan global yang mempunyai impak kepada masyarakat seperti perubahan struktur masyarakat, globalisasi dan kemajuan teknologi diambil kira. Matlamat CCE adalah untuk memupuk nilai dan meningkatkan kemahiran murid-murid untuk menjadi insan yang baik dan rakyat yang berguna. Ia menekankan hubung kait antara nilai-nilai utama, kecekapan sosial dan emosi serta literasi sivik, kesedaran global dan kemahiran silang budaya yang kritikal dalam pembentukan pendidikan perwatakan dan kewarganegaraan murid-murid. Membina watak, kemahiran sosial dan emosi pelajar dan menyokong kesihatan mental mereka.

Segala domain dan kurikulum yang digubal dalam Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan ini menjurus ke arah pembentukan insaniah yang bakal melahirkan generasi masa hadapan yang berbudi bahasa, mempunyai identiti dan jati diri, memahami dan menghargai keadaan orang lain, masyarakat dan negara, mengenali diri sendiri dan tahu fungsi diri sendiri dalam memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara. Dalam PdP bahasa Melayu, adalah lebih molek bagi guru memasukkan komponen-komponen yang ada dalam sukanan pelajaran Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan dengan menggabungkan nilai-nilai murni yang ada dalam bahasa Melayu untuk diperaktikkan oleh murid-murid semasa sesi



PdP berlangsung dan juga ketika berada di luar bilik darjah. Komponen menggunakan bahasa tinggi, mengamalkan kemahiran berfikir aras tinggi, mengaplikasikan konsep sopan santun dan berbudi bahasa akan melahirkan generasi yang lebih berketerampilan dan berperwatakan yang boleh membawa kepada perpaduan pada masa akan datang.

## **EMPAT TAHAP AMALAN DALAM MEMBINA KEUPAYAAN GURU**

Keupayaan guru dalam mempersiapkan diri sebagai guru cemerlang pasti akan melalui beberapa tahap. Tahap permulaan (*emergent*) merupakan satu tahap bagi guru-guru dalam prakhidmat. Pada tahap permulaan ini guru seharusnya mempunyai pemikiran yang terbuka, sedia menerima teguran dan belajar ilmu baharu bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran masing-masing. Selepas tahap permulaan, guru akan memasuki tahap mahir (*proficient*). Pada tahap ini guru tentunya sudah mula menguasai pelbagai teknik dan strategi PdP, guru sudah boleh menilai apakah PdP yang sesuai mengikut tahap umur dan pengetahuan murid. Guru mempunyai kemahiran dan dapat menjalankan amalan PdP secara kendiri. Guru dapat melakukan refleksi terhadap amalan pengajarannya untuk meningkatkan pembelajaran pelajar. Pastinya selepas menjadi guru yang mahir, guru akan memasuki tahap mampan (*accomplished*). Pada tahap ini, guru dapat menyesuaikan amalannya. Guru dapat melakukan penyesuaian terhadap pengajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran pelajarnya berdasarkan pengetahuan dan kesediaan pelajar serta konteks pembelajaran. Akhir sekali dengan pengalaman dan kebijaksanaan yang ada, guru-guru mampan ini boleh diangkat menjadi pemimpin yang boleh memimpin (*leading*) kumpulan guru yang lain bagi memberi tunjuk ajar dan panduan dalam memastikan PdP bahasa Melayu dapat dilaksanakan di samping menjadi guru yang bijak menyampaikan PdP dengan berkesan. Selain itu, guru-guru juga harus memastikan struktur dan strategi PdP di sekolah sentiasa ditambah baik dan dapat memenuhi harapan dan objektif pembelajaran bahasa Melayu dengan meningkatkan aspek kemahiran berbahasa, lebih-lebih lagi dalam mempersiapkan diri ke arah pendidikan abad ke-21 yang dijangka akan membawa satu perubahan besar dalam dunia pendidikan secara global.

## CABARAN DAN HARAPAN PDP

Pendidikan yang diberikan di sekolah-sekolah bukan hanya sekadar untuk memastikan murid lulus peperiksaan dan boleh beralih ke peringkat seterusnya. Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia meletakkan pendidikan sebagai usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi dan jasmani yang bertujuan melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Negara Singapura meletakkan usaha-usaha peningkatan sistem pendidikan yang berkualiti tinggi. Pelajar bukan hanya sekadar mempelajari ilmu pengetahuan tetapi juga turut mempelajari cara-cara mencipta ilmu-ilmu yang baharu. Jelas bahawa tugas guru bahasa Melayu dalam pendidikan di Malaysia dan Singapura bukan semudah yang dilihat. Cabaran dalam menghasilkan guru yang berwawasan dan sentiasa mempunyai semangat yang gigih dalam meningkatkan mutu PdP, terutama dalam mata pelajaran bahasa Melayu memerlukan usaha yang berterusan dan berkesinambungan.

Cabaran meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu dalam pendidikan memerlukan kerjasama yang erat antara murid, guru, sekolah, masyarakat dan juga negara. Semua pihak perlu berganding bahu dalam mengkaji, menganalisis dan mengaplikasi pelbagai pendekatan dan strategi PdP sesuai dengan perkembangan zaman. Perubahan zaman bukan sahaja memberi cabaran yang besar kepada dunia pendidikan tetapi juga kepada keseluruhan aspek kehidupan. Membentuk insan yang berkeperibadian tinggi menjadi tanggungjawab utama dalam pendidikan. Strategi dan penyelidikan dalam mencari jalan supaya aspek kemahiran berbahasa dapat menjadi wadah dalam pembentukan rakyat bersahsiah tinggi perlu dibuat dari masa ke semasa. Menangani keperluan murid abad ke-21 juga merupakan cabaran hebat kepada dunia pendidikan. Pengaruh teknologi dan dunia digital sedikit sebanyak turut menjadi kemelut kepada guru-guru dalam mengatur strategi PdP masing-masing. Pihak kerajaan mahupun sekolah perlu gigih bersama-sama sedaya upaya untuk menyediakan prasarana, kursus-kursus yang



berkaitan dengan teknologi terkini bagi memperkaya kemahiran PdP guru dalam meningkatkan kemahiran berbahasa Melayu ini.

Harapan untuk menjadikan PdP bahasa Melayu sesuai dengan jiwa dan kehendak generasi hari ini memerlukan pelbagai usaha dan juga memerlukan kesediaan para guru serta penyedia prasarana pendidikan menerima perubahan bagi menyesuaikan diri dengan semua perubahan yang datang. Kemunculan teknologi baharu seharusnya memudahkan lagi proses PdP, walaupun kelihatan seperti agak sukar namun boleh dilaksanakan jika semua pihak menerima dengan hati yang terbuka dan sanggup berubah demi keperluan masa depan. Perlu juga ada usaha dari pihak Kementerian Pendidikan dalam mengatur jadual PdP di sekolah agar guru yang mempunyai banyak beban pengajaran diberi insentif atau diberi peluang berkongsi beban tugas yang sama rata sesama sendiri. Guru-guru juga perlu bersama-sama berganding bahu dengan pihak pentadbir dan pemimpin dalam melaksanakan strategi PdP yang berkesan dan sentiasa berusaha untuk mengangkat kerjaya guru ke tahap yang cemerlang.

## **PENUTUP**

Matlamat pendidikan sentiasa menginginkan supaya semua ilmu pengetahuan yang disampaikan dapat dimanfaatkan oleh murid-murid di sekolah mahupun setelah mereka meninggalkan alam persekolahan. Pihak pemerintah dan kementerian sentiasa merancang dan melaksanakan pelbagai pendekatan dan kaedah pengajaran yang sesuai dalam memastikan bahasa Melayu dapat diajar dan dipelajari serta digunakan dengan berkesan di sekolah-sekolah, di samping memastikan kurikulum dan sukanan pelajaran bahasa Melayu sentiasa sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa. Bahasa Melayu mempunyai roh dan jiwa yang tinggi di Malaysia dan Singapura. Struktur dan sistem bahasa Melayu yang penuh dengan sopan santun dan juga budi bahasa bukan sahaja akan melahirkan insan yang berkeperibadian tinggi, tetapi juga akan melahirkan suasana masyarakat yang harmoni dan hidup dalam perpaduan.

Perubahan masa dan zaman tidak boleh dijadikan alasan untuk mengetepikan aspek kemahiran berbahasa Melayu dalam kalangan masyarakat. Bahasa Melayu sendiri ialah identiti dan jati diri rakyat Malaysia

dan Singapura. Sebagai bahasa kebangsaan yang kaya dengan nilai-nilai murni ini, pendidikan bahasa Melayu sewajarnya harus ditingkatkan dari masa ke semasa. Walaupun zaman kian berubah, namun kehalusan budi bahasa yang tersemat dalam bahasa Melayu amat penting bagi melahirkan generasi baru yang memiliki sahsiah yang tinggi. Bagi memastikan aspek kemahiran berbahasa dapat dikuasai oleh murid yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu, guru sendiri harus menjadi orang yang cekap dan mahir dalam segala aspek sukanan pelajaran bahasa Melayu itu sendiri. Untuk menghasilkan guru-guru yang mempunyai penguasaan bahasa Melayu yang tinggi memerlukan banyak usaha dan kerjasama secara berterusan daripada semua pihak, tidak kira pemerintah maupun pihak lain yang berkepentingan. Guru akan sentiasa dianggap sebagai contoh teladan kepada murid. Keprihatinan guru dan ketersediaan guru dalam melengkapkan diri sebagai guru bahasa Melayu yang cemerlang memerlukan kesabaran, kekuatan, kesungguhan dan ketekunan dalam diri guru itu sendiri. Guru yang baik akan melahirkan murid yang baik, seterusnya akan melahirkan pemimpin masa hadapan yang mampu menjadi pemimpin yang tahu bahasa, budaya dan berjiwa waja dalam menjadikan sesebuah negara itu negara yang maju dan bertamadun.

## RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. (2007). *Bahasa Melayu dan cabaran Global*. Dalam Majalah Bahasa, Hal. 26-29. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan (1987) *Isu-Isu perancangan Bahasa: Pengintelektualan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (1987). *30 Tahun perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Rashid Jamian. (2016). *Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Dalam Pembelajaran Menurut Perspektif Pelajar*.
- Abu Bakar Nordin. (1994). *Reformasi pendidikan dalam menghadapi cabaran 2020*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.



Adenan Ayob. (2012). *Nilai Bahasa Melayu sebagai Penggerak Budaya Perpaduan dalam Kalangan Masyarakat Berbilang Kaum*. dalam Pendeta: Jurnal Bahasa, Pendidikan dan Sastera Melayu. Vol 3 (2012): Hal. 38-50

Awang Had Salleh. (1980). *Pendidikan ke arah perpaduan: Sebuah perspektif sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. (2006). *Warna dan suasana perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan. (2007). “Keunggulan Bahasa, Persuratan dan Tamadun Melayu”. Dalam Jurnal Persatuan Linguistik Malaysia 2007.

Awang Sariyan. (2009). *Mencari makna diri Melayu: Renungan untuk bangsaku*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia

Fauzilahyatuin Mustafa (2010). *Bahasa Melayu dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Pelita Bahasa, Hal. 13-15.

J. W. Henderson, N. Vreeland, Glenn B. Dana, Geoffrey B. Hurwitz, Peter Just, Phillip W. Moeller, R. S. Shinn (1977). *Area Handbook for Malaysia*. Washington DC, AS: American University.

Kementerian Pendidikan Singapura. (2020). *Kurikulum Bahasa Melayu*. Kurikulum Kementerian Pendidikan Singapura (MOE). <https://www.mtls.edu.sg/gallery/pameran-%20bahasa-%20melayu-malay-language-exhibitions-b/moe-curriculum/>

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, (2017). *Pelan hala tuju pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Mohd Isha Awang. (2008). *Isu dan Cabaran Bahasa Melayu dalam Pendidikan*. Dalam Berita Harian (Rabu 16 Julai 2008)

Mior Khairul Azrin bin Mior Jamaluddin (2011), *Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional*. Dalam Sosiohumanika, 4(1), Hal. 33-48.

Nik Safiah Karim. (1980). *Bahasa Melayu: Teori dan aplikasi*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.

Nor Azlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. (2019). *Cabaran dan Amalan Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke 21*. Dalam Prosiding Persidangan Antarabangsa Ketamadunan dan Teknologi Islam, (Editor: Sayhrul Fahmy et al., 23-24 November 2019) INSPIRE: UNISZA

Nor Hashimah, Jalaluddin, Junaini Kasdan dan Zaharani Ahmad. (2010). *Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu*. GEMA: Online Journal of Language Studies, 10 (3). pp. 67-87. ISSN 1675-802.

Norliza Jamaludin. (2019). *Amalan Pengajaran Bahasa Melayu: Cabaran dan Harapan*. Dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu: Amalan Pengajaran Bahasa Melayu Di Singapura. Hal. 12-36. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Rohaya Talib & Mohd Najib Abd Ghafar. (2008). *Pembinaan Dan Pengesahan Instrumen Bagi Mengukur Tahap Literasi Pentaksiran Guru Sekolah Menengah di Malaysia*. Dalam Prosiding Seminar Penyelidikan Pasca Ijazah 2008. 25-27 November 2008. Universiti Teknologi Malaysia.

Saiful Azam Khoo Abdullah, (2017). *Program pendidikan inklusif Bagi murid-murid berkeperluan khas di Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Siti Mahani binti Muhamzir dan Nazlinda binti Ismail, 2015. Generasi Z: Tenaga Kerja Baru dan Cabarannya. Available at [https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/Generasi\\_Z.pdf](https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/Generasi_Z.pdf)



The use of e-Learning in teaching and learning that impressed. Professor Dr Yusup Hshim Asia e University Kuala Lumpur.

[https://www.researchgate.net/publication/282642078\\_Penggunaan\\_e-Pembelajaran\\_dalam\\_pengajaran\\_dan\\_pembelajaran\\_yang\\_berkesan\\_Profesor\\_Dr\\_Yusup\\_Hshim\\_Asia\\_e\\_University\\_Kuala\\_Lumpur](https://www.researchgate.net/publication/282642078_Penggunaan_e-Pembelajaran_dalam_pengajaran_dan_pembelajaran_yang_berkesan_Profesor_Dr_Yusup_Hshim_Asia_e_University_Kuala_Lumpur)

Yusup Hashim. (2012). *Penggunaan e-Pembelajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan*. Dalam Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru (KKPG) 2012. 15-17 Oktober, 2012, Kuantan. Gambang: Pahang

Zamri Mahamod (2011). *Memperkasa Guru, Mempercekap Pelajar: Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Abad Ke-21*. Dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu. Hal. 1-30. Singapura: Pusat Bahasa Melayu Singapura.

[https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/docs/librariesprovider6/ml-poetry-sg50/seminar-bahasa-melayu-2011/03-ucaptama-dr-zamri-final-\(main-speaker\).pdf](https://academyofsingaporeteachers.moe.edu.sg/docs/librariesprovider6/ml-poetry-sg50/seminar-bahasa-melayu-2011/03-ucaptama-dr-zamri-final-(main-speaker).pdf)

Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff dan Juliawati Ibrahim (2009), *Perbandingan Gaya Pengajaran Guru Bahasa Melayu dan Guru Bahasa Inggeris*. Dalam Jurnal Pendidikan Malaysia, Hal. 67-92. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

<https://libris.nie.edu.sg/sites/default/files/2014-character-citizenship-education-secondary.pdf>